

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HGM 131 – Geografi Manusia

[Masa: 3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja, DUA [2] soalan dari setiap bahagian.

**BAHAGIAN A:**

1. [a] Jelaskan ruang lingkup bidang pengajian geografi manusia.  
[10 markah]
- [b] Sejauhmana ia menyumbang dalam usaha memahami hubungan di antara ruang, manusia dan masyarakat.  
[15 markah]
2. Jelaskan taburan penduduk yang terdapat di negara anda dan **selain** dari faktor fizikal bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan tersebut.  
[25 markah]
3. [a] Nyatakan lima petunjuk pembangunan.  
[5 markah]
- [b] Merujuk kepada pembangunan di Malaysia, bincangkan sebab-sebab utama wujudnya taburan pembangunan yang tidak sekata mengikut ruang.  
[20 markah]

.../2

4. [a] Nyatakan lima jenis destinasi pelancongan utama.  
[5 markah]
- [b] Sebagai pemilik kepada sebuah agensi pelancongan yang ternama, bincangkan usaha-usaha yang akan dilakukan untuk menarik lebih ramai pelancong menyertai pakej anda.  
[20 markah]

**BAHAGIAN B:**

5. Pemodenan membawa kemajuan dan kehancuran nilai-nilai manusia sesuatu tempat. Bincangkan dengan merujuk kepada SATU contoh pemodenan.  
[25 markah]
6. [ i] Huraikan (a) nasionalisme sivik dan (b) nasionalisme etnik.  
[10 markah]
- [ ii] Jelaskan bagaimana proses-proses dalaman membina semangat kekitaan etnik dan negara.  
[15 markah]
7. Dengan merujuk kepada contoh-contoh, bincangkan bagaimana pandangdarat sosial diberi imej sebagai ruang kuasa dan penindasan dalam hubungan antara dua kelas sosial.  
[25 markah]
8. Huraikan maksud 'tempat awam' dan 'tempat persendirian' dalam hubungan politik dan gender. Bincangkan bagaimana sempadan kedua-dua 'tempat' ini bertindan.  
[25 markah]

--oo000oo--